



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



PENERAPAN ELEMEN NILAI MURNI DAN ETIKA MELALUI PLATFORM E-PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH

INSTILLING THE ELEMENTS OF GOOD VALUES AND ETHICS THROUGH ISLAMIC EDUCATION E-LEARNING PLATFORMS IN PRIMARY SCHOOLS

Nur Eliza Mohd Noor¹, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim^{2*}, Yusmini Md. Yusoff³

¹ Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: s2023911@siswa.um.edu.my

² Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: tgsarina@um.edu.my

³ Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: yusmini@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 14.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Noor, N. E. M., Tengku Kasim, T. S. A., & Md. Yusoff, Y. (2023). Penerapan Elemen Nilai Murni Dan Etika Melalui Platform E-Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 477-497.

DOI: 10.35631/IJEPC.850034

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Nilai murni dan etika merupakan tunjang dalam pembinaan sahsiah dalam diri setiap individu. Ia merupakan salah satu elemen yang perlu diterapkan dalam sesi pembelajaran sama ada di dalam kelas secara fizikal atau secara maya melalui platform e-pembelajaran. Penerapan elemen nilai murni dan etika ini akan membentuk tingkah laku yang baik bagi menghasilkan generasi yang memiliki sahsiah yang tinggi. Kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan platform e-pembelajaran bagi menggantikan sesi pembelajaran bersemuka secara fizikal di dalam kelas memberikan beberapa implikasi kepada perkembangan sahsiah murid. Sebagai contoh, murid kurang memberi maklum balas kepada guru semasa sesi e-pembelajaran berlangsung, tidak memulakan sesi e-pembelajaran dengan bacaan doa, pelajar tidak menepati waktu pembelajaran dalam talian, tidak memberi salam kepada guru semasa memasuki kelas dalam talian dan tidak menyiapkan tugas yang diberikan dengan jujur dan amanah. Isu ini juga secara tidak langsung dikaitkan dengan keberkesanan dan peranan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam membina sahsiah murid melalui platform e-pembelajaran. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat pengalaman GPI dalam penerapan elemen nilai murni dan etika dalam pelaksanaan e-pembelajaran. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam bersama 3 orang GPI. Data temu bual dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Nvivo versi 1.7 bagi menghasilkan dapatan kajian. Analisis temu bual

mendapati kesemua GPI berjaya menerapkan beberapa elemen nilai murni semasa e-pembelajaran Pendidikan Islam. Di samping itu, hasil kajian juga mengenal pasti beberapa cabaran e-pembelajaran yang dihadapi oleh GPI sehingga mewujudkan kekangan dalam menerapkan nilai-nilai murni. Impak kajian ini diharap dapat membantu para pendidik meningkatkan pengetahuan dalam pelaksanaan penerapan elemen nilai murni dan etika melalui platform e-pembelajaran di samping memberi input kepada masyarakat terutama ibu bapa akan cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam membina sahsiah pelajar.

Kata Kunci:

Penerapan Elemen, Nilai Murni dan Etika, E-pembelajaran, Pendidikan Islam, Sekolah Rendah

Abstract:

Good values and ethics are the cores in developing the personality of each person. They are among the elements that need to be instilled in learning sessions physically or virtually through e-learning platforms. Instilling these elements of good values and ethics will form commendable behaviours to create generations with a great personality. Previous studies have shown that the use of e-learning platforms to replace the face-to-face physical learning sessions in classes has some implications to the development of students' personality. For example, the students did not give feedback to their teachers during the e-learning sessions, did not start the e-learning sessions with prayer recitation, did not attend the online learning sessions punctually, did not give salutation to the teachers when entering the online classes, and did not complete their assignment properly and ethically. These issues are indirectly related to the effectiveness and roles of Islamic Education teachers in building up the students' personality through the e-learning platforms. Therefore, this study aimed to observe the experiences of Islamic Education teachers in instilling the elements of good values and ethics in implementing e-learning. This qualitative study employed in-depth interviews involving three Islamic Education teachers. The interview data were analysed thematically using the Nvivo software, version 1.7 to produce the study's findings. The analysis of interviews found that all the Islamic Education teachers managed to instil some of the elements of good values during the Islamic Education e-learning sessions. Besides, the findings also identified a few challenges in e-learning faced by the Islamic Education teachers that these challenges had led to limitations in instilling the good values in the students. It is hoped that the study would help educators to increase their knowledge in instilling the elements of good values and ethics through the e-learning platforms while also spreading the inputs especially to parents about the challenges faced by the Islamic Education teachers in building up students' personality.

Keywords:

Instilling the Elements, Good Values and Ethics, E-learning, Islamic Education, Primary School

Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan pelajar yang memiliki sahsiah yang tinggi melalui penerapan elemen nilai murni dan etika dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penerapan elemen nilai murni dan etika ini merupakan salah satu

pendekatan bagi membentuk jati diri serta membina sahsiah pelajar ke arah menghadapi cabaran abad ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi penekanan yang serius tentang penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana sekolah-sekolah di Malaysia merupakan agen pembentukan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Secara tersuratnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) turut memberi penumpuan terhadap dasar pendidikan bagi melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Rosli & lain-lain, 2022). Ini bertepatan dengan Islam yang turut memandangkan penerapan nilai-nilai murni dan etika sebagai inti pati daripada proses pendidikan. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), pendidikan merupakan satu proses penerapan nilai-nilai positif dalam diri seseorang individu. Seharusnya, penerapan nilai-nilai murni boleh dilakukan oleh guru bermula daripada contoh teladan dan kepimpinan guru yang ditunjukkan kepada pelajar sepanjang proses pembelajaran di sekolah (Fahmi & lain-lain, 2021). Hal ini kerana, guru berperanan dalam melahirkan modal insan di peringkat sekolah atau institusi pendidikan. Namun begitu, sehingga hari ini masih lagi terdapat pendidik yang gagal memahami, menghayati atau memainkan peranan dalam menerapkan nilai-nilai murni dan etika walaupun telah lama menceburi profesion perguruan. Seharusnya individu yang terlibat dalam profesion ini perlu mengambil peranan dalam membina nilai-nilai yang positif untuk membentuk masyarakat ke arah sebuah negara yang maju dan moden terutama guru Pendidikan Islam. Hal ini kerana, kegagalan dalam menerapkan nilai murni dalam sistem pendidikan bakal menghancurkan sesebuah tamadun dan juga negara. Tanpa penerapan elemen nilai-nilai murni ke arah pembangunan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak, manusia akan menjadi huru-hara terutama dalam menghadapi arus dunia tanpa sempadan. Tambahan pula, penerapan elemen nilai murni dan etika ini menjadi agak sukar apabila situasi pandemik Covid-19 pernah melanda negara dan medium e-pembelajaran pula dilaksanakan secara sepenuhnya. Ini berikutan e-pembelajaran merupakan satu kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan media elektronik, khususnya internet sebagai sistem pembelajarannya (Sagita & Khairunnisa, 2019). Kajian mendapati apabila murid mengakses internet terlalu lama dengan alasan mencari maklumat untuk tujuan pembelajaran turut memberi kesan negatif kepada aspek tingkah laku dan sahsiah murid (Misman & lain-lain, 2021). Di samping itu juga kajian daripada Michael dan Ambotang (2020) menyatakan bahawa penglibatan murid dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah yang bertujuan membentuk keperibadian pelajar juga tidak memberangsangkan akibat kesan daripada pengaruh teknologi digital ini. Isu-isu berkaitan etika dan moral yang timbul semasa pelaksanaan e-pembelajaran ini secara tidak langsung menyebabkan guru perlu lebih kreatif dalam menerapkan elemen nilai murni dan etika melalui platform ini agar dapat meminimumkan kesan atau impak negatif ke atas murid.

Kajian Literatur

Ledakan teknologi yang tidak terkawal memberi impak yang besar terhadap kehidupan pelajar pada masa kini. Dahulu, alam persekolahan di peringkat sekolah rendah dipenuhi dengan pelbagai permainan dan aktiviti luar seperti bermain di luar rumah dan berbasikal, namun berbeza dengan para pelajar pada abad ke 21 apabila mereka telah didedahkan dengan penggunaan pelbagai peralatan teknologi seperti internet, komputer, telefon pintar serta permainan video sejak daripada kecil, yang secara tidak langsung mengurangkan aktiviti luar mereka. Perubahan ini bukan sahaja berlaku dari aspek cara mereka bermain, bahkan dari aspek pembelajaran mereka yang banyak menggunakan teknologi dalam pembelajaran sehingga adakalanya menjadi punca kebimbangan masyarakat terutama ibu bapa. Antara kebimbangan tersebut adalah dari segi penggunaan yang tidak terkawal yang akan memberi impak negatif kepada perkembangan diri kanak-kanak seperti kemerosotan prestasi akademik (Nahar et al.,

2018). Selain itu, Che Awang dan Alavi (2019) juga turut mengenal pasti bahawa penggunaan media teknologi yang tidak terkawal turut memberi kesan kepada mental seperti isu-isu buli siber dan '*facebook depression*', sehingga terdapat para pelajar yang mengalami masalah emosi. Menurut Norman dan Othman (2020), kesan perkembangan teknologi telah membawa kepada ketagihan pornografi sehingga mengganggu prestasi pembelajaran mereka. Manakala Baharudin dan Mahadir Naidu (2021) pula menyatakan bahawa terdapat banyak elemen negatif dalam mempraktikkan pembelajaran digital atau pembelajaran berasaskan teknologi ketika perkongsian maklumat berlaku. Walhal e-pembelajaran juga adalah salah satu platform dan alatan pembelajaran digital yang banyak digunakan pada masa kini (Abdul Bujang & lain-lain, 2020).

Platform e-pembelajaran merupakan salah satu platform yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam bagi merealisasikan pendidikan digital dalam pembelajaran abad ke-21. Sepatutnya pembelajaran melalui platform e-pembelajaran menjadikan proses pembelajaran berlaku dengan lebih mudah di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa serta meningkatkan kreativiti guru. Namun sebaliknya apabila Bashah dan Zulkifli (2022) mendapati timbul pula masalah dalam penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan akhlak pelajar ketika mengaplikasikan pendidikan berasaskan teknologi semasa Pembelajaran dan Pemudah caraan (PdPc). Menurut mereka, penerapan nilai murni dan etika merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam dalam era pendidikan digital pada masa kini. Sedangkan penerapan elemen nilai-nilai murni dan etika merupakan salah satu elemen penting yang perlu dicapai dalam PAK 21 bagi pembinaan sahsiah murid. Hal ini kerana, kemenjadian pelajar di sekolah banyak bergantung kepada nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru Pendidikan Islam. GPI bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai ilmu malah mendidik pelajar dengan nilai-nilai murni berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Isu berkaitan penerapan nilai murni ini juga telah lama dibangkitkan oleh Salleh dan lain-lain (2001), yang menyatakan bahawa ia masih belum dapat diterapkan pada tahap yang memuaskan dalam kalangan pelajar berikutan meningkatnya masalah disiplin dari hari ke hari. Justeru itu, guru perlu menerapkan nilai-nilai murni dan etika agar dapat diselaraskan dengan kandungan pembelajaran Pendidikan Islam yang amat mementingkan kemenjadian dan peningkatan sahsiah pelajar.

Nilai-nilai murni merupakan elemen yang perlu diintegrasikan oleh guru dalam proses pembelajaran dan juga e-pembelajaran agar dapat mencorakkan budaya hidup murid mengikut perkembangan zaman dan juga persekitaran. Nilai-nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan (Majid & lain-lain, 2012). Sementara, penerapan nilai-nilai murni menurut Sabilan et al., (2018) pula adalah sebagai suatu yang mesti dilakukan oleh guru seperti mana yang telah digariskan dalam FPK dan Standard Guru Malaysia. Selain penerapan nilai murni, guru juga memainkan peranan penting dalam penerapan etika melalui pembelajaran. Etika yang berasal dari perkataan Greek iaitu "*ethos*", merupakan himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai dalam membentuk tingkah laku individu, organisasi dan kerjaya (Sharifah Hayati, 2010). Konsep etika perlu diberi penekanan kerana ia diibaratkan sebagai suatu set peraturan kehidupan manusia yang menjadi asas dan panduan dalam menjalani kehidupan berprinsip dan mengikut peraturan yang betul (Hassan & lain-lain, 2020).

Penerapan nilai-nilai murni dan etika boleh berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sama ada melalui isi kandungan Pendidikan Islam atau nilai-nilai yang lahir daripada guru Pendidikan Islam itu sendiri. Menurut Imelda (2018), penerapan nilai-nilai murni merupakan inti pati Pendidikan Islam kerana tujuan pendidikan adalah

mendidik perilaku manusia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Nilai-nilai murni tidak muncul dengan sendiri sebaliknya melalui proses pendidikan dan terhasil daripada setiap tindak-tanduk dan percakapan guru. Oleh sebab itu, Ab Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) serta Wan Abdullah dan lain-lain (2021) menekankan bahawa guru perlu mempunyai keperibadian sebagai *muallim*, *muaddib*, *mursyid*, *mudarris* dan *murabbi* yang ikhlas dan sabar dalam menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri pelajar. Kegagalan sesetengah guru Pendidikan Islam dalam membentuk diri mereka terlebih dahulu selaku contoh teladan yang baik akan memberi impak negatif kepada pelajar (Zahariah Aiyub, 2005). Oleh itu, pengkaji menyediakan Jadual 1 di bawah bagi menerangkan secara ringkas istilah *muallim*, *muaddib*, *mursyid*, *mudarris* dan *murabbi*:

Jadual 1: Ringkasan Penerangan Istilah *Muallim*, *Muaddib*, *Mursyid*, *Mudarris* Dan *Murabbi*

No.	Istilah	Ringkasan Penerangan
1	<i>Muallim</i>	Merupakan guru dalam bilik darjah yang memberitahu, mengajar, memindahkan dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan sama ada melalui latihan, arahan, atau sebarang bentuk pengajaran dan seumpamanya. Justeru, <i>muallim</i> dapat disimpulkan sebagai perangsang ke arah tahap kualiti pelajar.
2	<i>Muaddib</i>	Merujuk kepada guru yang berperanan untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin tingkah laku, sahsiah, dan seluruh adab sopan dalam pembinaan diri para pelajar. Secara ringkasnya guru sebagai <i>muaddib</i> ialah guru sebagai penerap adab.
3	<i>Mursyid</i>	Merujuk kepada guru yang memimpin dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing, dan memberi tunjuk ajar ke arah pembentukan diri pelajar sebagai insan yang soleh. Justeru, <i>mursyid</i> merupakan pemandu ke arah pembentukan jati diri pelajar.
4	<i>Mudarris</i>	Bermaksud orang yang banyak menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan memiliki ciri-ciri sebagai pengajar yang berkesan yang melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran daripada persediaan mengajar sehingga ke akhir penilaian sendiri. Justeru, <i>mudarris</i> dapat disimpulkan sebagai pengajar ilmu dalam kelas.
5	<i>Murabbi</i>	Bermaksud guru yang menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah anak-anak serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka agar dapat berkembang dengan baik. Secara ringkasnya <i>murabbi</i> adalah merupakan pendidik rohani, jasmani dan intelek.

*Adaptasi daripada Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) dan Wan Abdullah & lain-lain (2021)

Oleh itu, sebagai guru Pendidikan Islam mereka perlu terlebih dahulu memiliki nilai-nilai murni dan etika dalam diri masing-masing agar mampu menjadi contoh kepada pelajar. Hal ini kerana matlamat bagi melahirkan insan seimbang sebagaimana yang ditekankan dalam FPK masih belum dicapai sepenuhnya apabila dari sudut inteleknya penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam masih berada pada tahap sederhana, di samping masalah-masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar yang semakin meruncing (Fahmi & lain-lain, 2021). Kelemahan murid dalam memahami dan menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam dikatakan berpunca daripada kelemahan dalam pengajaran guru itu sendiri sama ada dari segi pedagogi mahupun penerapan nilai-nilai semasa proses pengajaran berlaku (Siti Faizah, 2019). Akhirnya, kesan yang timbul daripada pemahaman pelajar yang lemah dalam Pendidikan Islam dan juga kegagalan dalam penerapan nilai-nilai akan membawa kepada anasir-anasir tidak sihat yang menjerumus kepada kepincangan dan kehancuran diri individu, keluarga dan masyarakat (Nik Pa & Mohd Hashim, 2015). Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat penerapan nilai-nilai murni dan etika yang telah diterapkan oleh guru Pendidikan Islam dalam membantu pelajar agar dapat memanfaatkan teknologi e-pembelajaran dalam pembelajaran Pendidikan Islam mereka di samping mendidik pelajar daripada terjebak dengan anasir-anasir yang tidak baik.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan metode kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Pengkaji memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif untuk meneroka pengalaman guru Pendidikan Islam dalam menerapkan elemen nilai murni dan etika melalui platform e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Kajian juga bertujuan mengenal pasti bentuk cabaran dan kesukaran yang dihadapi oleh mereka dalam menerapkan nilai-nilai tersebut. Selain itu, kaedah analisis dokumen juga dilakukan untuk menganalisis kajian-kajian lepas iaitu kajian literatur berkenaan penerapan elemen nilai murni dan etika dalam pelaksanaan e-pembelajaran, serta cabarannya. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada jurnal-jurnal serta prosiding yang telah diterbitkan.

Manakala bagi kutipan data lapangan, peserta kajian dipilih secara persampelan bertujuan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Bagi tujuan artikel ini, pengkaji hanya memilih tiga orang guru Pendidikan Islam sebagai informan. Kajian ini ingin melihat sejauh mana guru menerapkan elemen nilai-nilai murni dan etika dalam e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Ketiga-tiga informan dalam kajian ini dikodkan sebagai GPI 1, GPI 2, dan GPI 3. Lokasi kajian yang dipilih ialah di tiga buah sekolah rendah yang terletak di daerah Hulu Selangor, Shah Alam, dan Putrajaya.

Sebagai kaedah pengumpulan data, temu bual secara mendalam telah dilakukan bersama ketiga-tiga informan. Satu protokol temu bual secara semi-struktur telah dirangka bagi mendapatkan maklumat daripada informan kajian. Protokol soalan temu bual telah pun disahkan oleh panel penilai sebelum penyelidik menjalankan kajian. Temu bual dijalankan dan direkodkan melalui aplikasi Zoom dan mengambil masa sekitar 45 hingga 60 minit bagi setiap seorang informan bagi memastikan data yang diperoleh mencukupi. Data daripada temu bual kemudiannya telah ditranskripsikan untuk tujuan analisis data. Transkrip telah dibaca berulang kali dan difahami bagi memastikan pengkaji memahami data yang telah dikutip. Setiap kali transkrip dibaca, pengkaji akan mencatat kod yang bersesuaian, atau persoalan yang timbul untuk dikemukakan dalam sesi temu bual seterusnya. Selepas itu, semua data dikodkan dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo versi 1.7 untuk melihat persamaan,

perbezaan dan pengulangan idea. Kaedah analisis tematik merupakan salah satu bentuk analisis dalam kajian kualitatif yang bertujuan untuk menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan data. Menurut Taylor dan Bogdan (1998), analisis tematik boleh memberi gambaran berkaitan data yang diperolehi secara terperinci melalui penafsiran yang dilakukan oleh penyelidik sendiri (Steven J Taylor & Robert Bogdan, 1998). Justeru, kaedah ini akan membantu memudahkan pengkaji dalam membincangkan hasil analisis data berkenaan elemen nilai-nilai murni dan etika yang diterapkan oleh GPI semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan juga cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam menerapkan elemen tersebut.

Dapatan Kajian

Penerapan Nilai-Nilai Murni Dan Etika Semasa Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam

Hasil temu bual bersama informan-informan kajian mendapati beberapa elemen nilai dan etika telah berjaya diterapkan oleh para informan dalam membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam. Rajah di bawah menunjukkan nilai-nilai murni tersebut:



Rajah 1: Penerapan Elemen Nilai -Nilai Murni dan Etika Semasa Pelaksanaan E-pembelajaran Pendidikan Islam

Mengingati Allah

Nilai murni yang pertama adalah mengingati Allah. GPI 1 melaporkan bahawa beliau sangat menekankan aspek memelihara solat kepada murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran. Hal ini kerana solat merupakan tiang agama maka sesiapa yang menjaga solat sudah pasti akan terpelihara daripada melakukan sebarang kemaksiatan dan terpelihara segala tingkah laku. Walaupun murid berada di rumah atau semasa PdPr dijalankan, GPI 1 menyatakan bahawa beliau tetap berusaha memastikan murid menunaikan kewajipan mereka dengan menyediakan *checklist* solat untuk disemak secara sendiri oleh murid:

“Saya buat checklist dan murid tanda checklist tu contohnya solat pada hari tu cukup atau tidak. Kalau kelas tengah hari, dia (murid) dah solat zohor belum. Kemudian checklist tu dia (murid) hantar dekat saya.” (GPI 1)

Selain itu, GPI 2 dalam usaha mengingatkan murid agar tidak lupa untuk mentaati perintah Allah adalah dengan meminta bantuan daripada ibu bapa murid. GPI 2 memberitahu yang beliau akan menghantar pesanan melalui aplikasi *WhatsApp* atau telegram kelas untuk meminta agar ibu bapa mengingatkan anak mereka untuk mendirikan solat apabila tiba waktu solat.

Menurutnya, hal ini dapat mengelakkan murid daripada terlalu leka dengan gadget sehingga meninggalkan waktu solat.

“Kami (guru Pendidikan Islam) sentiasa berhubung antara guru dan murid dengan ibu bapa semuanya bekerjasama dan tentunya guru memberitahu kepada murid-murid dan seterusnya meminta ibu bapa alert tentang waktu solat, waktu mengaji macam tu lah.” (GPI 2)

Penekanan berkaitan solat dan mengaji al-Quran juga diterapkan oleh GPI 3 sebagaimana kenyataan beliau:

“Biasanya saya akan selalu galakkan murid-murid baca iqra atau al-Quran dan jangan lupa solat. Saya selalu ingatkan murid agar selalu baca di rumah kerana kalau baca di sekolah sahaja tak cukup dan letakkan iqra atau al-Quran di sebelah katil.” (GPI 3)

Penekanan berkenaan mengingatkan Allah melalui solat ditekankan kerana GPI bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan mata pelajaran bahkan mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam mendidik murid dari segi tingkah laku mereka.

“Kita perlu lihat bahawa Pendidikan Islam ini ada aktiviti yang boleh menarik minat murid untuk mereka lebih kepada membentuk sahsiah yang mulia dan juga mengamalkan rukun Islam dan juga rukun Iman.” (GPI 2)

Berdasarkan data temu bual di atas didapati GPI tidak jemu mengingatkan murid agar sentiasa mendirikan solat, membaca al-Quran serta mengamalkan rukun Iman dan rukun Islam. Ia bertujuan mendidik murid kerana Islam itu agama nasihat. GPI sentiasa mengingatkan murid dan sentiasa memberi nasihat kepada murid dengan menerapkan nilai mengingatkan Allah dalam membentuk sahsiah murid agar mentaati perintah Allah SWT.

Menggunakan Bahasa yang Baik

Selain itu, hasil analisis temu bual bersama informan juga mendapati nilai kedua yang diterapkan semasa e-pembelajaran adalah dengan menggunakan bahasa komunikasi yang baik. Penekanan berkaitan penggunaan bahasa yang baik akan melahirkan murid yang bersopan dengan tidak menggunakan perkataan yang kesat dalam berinteraksi terutama dalam kecanggihan dunia digital dan perkembangan sosial media berasaskan elektronik. Guru perlu menegur sekiranya murid menggunakan perkataan yang tidak baik. Menurut GPI 3 beliau akan segera menegur murid dengan cara yang baik dan memberitahu sebab kesalahan tersebut.

“Biasanya jika budak buat kesalahan kita perlu tegur terus kerana bila kita tegur terus kita kena cakap kenapa tak boleh buat. Budak-budak sekarang dah terdedah dengan macam-macam sekarang jadi kita perlu tegur terus jika dia buat silap. Jika kita tunggu lama baru nak tegur takut tak berkesan. Cakap dengan cara yang baik dan terang dekat dia.” (GPI 3)

Guru perlu segera menegur murid pada masa tersebut juga agar kesalahan tersebut tidak berulang dan menjadi kebiasaan. Menurut Sipon (2010), anak-anak pada peringkat umur 6 hingga 12 tahun sudah mampu mencari maklumat dan membuat justifikasi kenapa sesuatu perkara itu boleh dilakukan dan kenapa tidak boleh dilakukan. Justeru, guru harus menerangkan juga kepada murid sebab kesalahan mereka ditegur. Menurut Harahap (2020),

teguran secara baik apabila dilaksanakan mengikut syariat yang betul akan memberi kesan kepada aspek pembentukan sahsiah.

GPI 1 turut berkongsi pengalaman beliau tentang hal ini, semasa e-pembelajaran berlaku terdapat murid yang menulis perkataan yang tidak sesuai pada bahagian chat dan beliau akan segera menegur perlakuan tersebut:

“Kadang-kadang tu ada yang dekat chat, dia cakap dekat kawan dia, itu pun tak tahu, tak belajar ke. Saya akan tegur tolong jaga percakapan kamu.” (GPI 1)

Berdasarkan dapatan di atas, didapati guru Pendidikan Islam akan segera menegur murid agar menggunakan bahasa yang baik walaupun pembelajaran berlaku melalui platform e-pembelajaran. Selain itu, penggunaan bahasa yang baik semasa guru menegur murid juga secara tidak langsung menjadi contoh teladan kepada murid kerana menurut M. Fahmi et al. (2021), murid banyak mencontohi nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru.

Mematuhi Peraturan

Seterusnya, hasil temu bual mendapati antara elemen nilai murni yang diterapkan oleh informan adalah mematuhi peraturan. Menurut GPI 2, beliau telah menerapkan elemen ini sebelum sesi e-pembelajaran bermula agar sesi pembelajaran tidak terganggu dan berjalan dengan lancar.

“Masa PKP buat online memang kita dah nasihatkan supaya mereka mematuhi peraturan yang kita buat. Sebelum adakan kelas tu memang kita dah WhatsApp siap-siap peraturan dan adab ketika kita dalam (kelas) online.” (GPI 2)

Manakala GPI 1 juga turut menggunakan pendekatan yang sama dengan menetapkan beberapa peraturan agar kelas secara dalam talian berjalan dengan lancar dan tidak terganggu. Berikut merupakan antara beberapa peraturan yang ditetapkan oleh informan semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam:

“Sebelum kelas bermula, saya biasa keluarkan notis sikitlah untuk murid-murid, biasa saya post dekat group bagi tahu siap-siap peraturan-peraturan semasa berada dalam Google Meet. Kita bagi tahu lah adab-adab dia kena jaga aurat, kadang-kadang budak-budak ni tak tahu, ada yang selamba je tak tutup aurat dengan betul, dalam tu kan macam-macam orang, parents pun ada. Pastu jangan suka-suka tekan mikrofon, ada yang suka mute sekejap unmute. Kena pesan semasa kelas tu pastikan jaga adab masing-masing.” (GPI 1)

GPI 2 turut berkongsi bagaimana beliau menetapkan peraturan sebelum e-pembelajaran dilaksanakan:

“Selalunya sebelum kita buat Google Meet, esok atau lusa kita bagi link kan, jadinya dalam link tu kita dah pesan dah dekat murid, antaranya jaga tingkah laku, bagi yang boleh buka video, buka video tapi jaga aurat. Selalunya pesanan-pesanan macam tu saya akan tulis dalam link tu tolong jaga tingkah laku dan adab ketika sesi PdPr.” (GPI 2)

Guru perlu menetapkan peraturan sebelum e-pembelajaran dilaksanakan agar proses pembelajaran berjalan dengan lebih teratur dan lancar. Menurut Khairul Azhar (2017), meskipun pelbagai elemen nilai telah diterapkan sebaik mungkin dalam diri anak-anak, namun satu perkara yang sering diabaikan adalah dari aspek pemantauan dan perhatian. Justeru, guru seharusnya membuat pemantauan secara berkala setelah murid dimaklumkan mengenai peraturan yang perlu mereka patuhi semasa berada di dalam kelas.

Tidak dapat dinafikan, walaupun peraturan telah ditetapkan, namun masih juga berlaku masalah kebisingan atau gangguan semasa sesi e-pembelajaran dijalankan. Walau bagaimanapun, menurut GPI 1, beliau mengambil inisiatif untuk menegur dengan cara yang berhemah:

“Selalu saya tegur, buka mikrofon bila ada yang nak tanya sahaja, kalau tak ada apa-apa nak tanya tak payah buka unmute lah sebab ada tu yang dia buka mikrofon, tapi tak tanya soalan pun, dia macam nak bercerita, jadi masa tu dia mengganggu masa (waktu pembelajaran) kita.” (GPI 1)

Menurut Sayyid Qutb (1990), teguran secara berhemah memerlukan kepada penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasaran dengan menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Begitu juga menurut Sidiq (2018), seorang guru yang profesional perlu mengambil perhatian terhadap situasi dan keadaan muridnya. Golongan sasaran yang terlibat di sini iaitu murid masih berada di peringkat umur kanak-kanak. Jadi, secara fitrahnya mereka perlu ditegur dengan nasihat yang lemah lembut agar mudah meresap ke dalam hati mereka. Teguran melalui tegahan dan ancaman hanya akan memalukan dan membuatkan murid semakin tidak berminat untuk belajar. Tambahan pula menurut Muhamed Ganasan dan Azman (2021), apabila situasi dan keadaan murid lebih-lebih lagi yang masih berada di peringkat kanak-kanak tidak diambil peduli, tahap motivasi murid akan menurun dan ia turut memberi kesan terhadap keberkesanan pembelajaran dan sahsiah mereka.

Masalah yang sama turut dihadapi oleh GPI 2 dan GPI 3. Hal ini kerana, murid di peringkat sekolah rendah masih kurang faham dan lumrah kanak-kanak suka bermain dan sering bertanya untuk memenuhi perasaan ingin tahu mereka. Berikut merupakan maklum balas informan berkaitan perkara tersebut:

“Kalau dalam pembelajaran pun kita hanya boleh menasihatkan sahajalah, kita terangkan tentang kegunaan yang sepatutnya mereka gunakan bukan untuk benda-benda yang lain. Tapi namanya budak-budak kan.... lain kadang-kadang yang diberitahu lain yang mereka buat, kerana mereka lebih suka kepada benda yang dilarang dan mencabar mereka sebab mereka suka nak tahu benda yang dilarang. Itu memang naluri budak-budak kan.” (GPI 2)

“Tapi biasanya, murid-murid walaupun telah diingatkan tetap lupa tapi saya akan tetap selalu ingatkan seperti dalam kelas.” (GPI 3)

Berdasarkan data-data tersebut, menunjukkan bahawa GPI berusaha untuk menetapkan peraturan agar murid belajar untuk mematuhi peraturan agar sesi pembelajaran tidak terganggu. Walaupun ada ketika pembelajaran masih terganggu kerana tahap murid yang masih berada di peringkat sekolah rendah, namun GPI sentiasa mengingatkan murid dengan cara yang baik dan berhemah. Menurut al-Ghazali (t.t), dalam proses mendidik murid, guru perlu sentiasa bersikap

sabar, memperbaiki murid yang lemah dengan arahan yang baik, bersikap lembut kepada murid, dan juga tidak memarahi murid dengan bahasa yang kesat. Justeru, sebagai seorang guru tidak harus merasa jemu dalam mendidik murid walaupun terpaksa berulang kali memberi nasihat agar murid sentiasa mematuhi peraturan.

Menepati Masa

Penerapan nilai yang seterusnya ialah menepati masa. Ia sangat penting bagi memastikan murid dapat menyiapkan tugas yang diberikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Ini mengelakkan daripada murid menangguhkan tugas yang diberikan oleh guru kerana menurut Mohd Amirul Bashah dan Hafizhah Zulkifli (2022), murid terlalu asyik dengan melayari internet, menggunakan gajet dan pelbagai sumber teknologi lain sehingga berjam-jam lamanya. Tambahan pula, apabila situasi pandemik Covid-19 melanda dan medium e-pembelajaran pula dilaksanakan secara sepenuhnya, murid menjadi ketagihan kepada gajet dan mengakses internet terlalu lama dengan alasan mencari maklumat untuk tujuan pembelajaran sehingga memberi kesan negatif kepada aspek tingkah laku dan sahsiah murid (Misman et al., 2021).

Oleh itu, bagi menerapkan nilai menepati masa beberapa strategi dibuat oleh informan dalam memastikan murid sentiasa melaksanakan tugas yang ditetapkan dan tidak hanya leka dengan kecanggihan teknologi serta melayari internet semata. Menurut GPI 3, beliau akan mengasingkan setiap tugas agar lebih tersusun dan mudah untuk murid menyiapkan dan menghantar tugas:

“Dalam group kelas, telegram ada channel, so saya akan asingkan setiap tugas. Contoh jika murid siap tugas pertama, dia akan post dekat tugas pertama dan ia lebih teratur. Murid akan dapat tengok tugas mana yang dia dah siap dan yang belum siap. Jadi murid boleh atur masa mereka.” (GPI 3)

Selain itu, GPI 3 turut meletakkan had tugas agar tidak berlaku lambakan kerja rumah dan murid lebih fokus dan dapat menghantar tugas tepat masanya:

“Saya ada bagi tugas untuk sepanjang minggu. Contoh tugas hafal surah. Saya bagi seminggu untuk rekod atau hafal. Dan lepas seminggu kita tengok dia hantar maksudnya dia buatla tugas yang kita suruh tu.” (GPI 3)

Berbeza pula dengan GPI 2 yang lebih gemar memberikan lebih masa dan ruang agar murid dapat menyiapkan tugas mereka dengan baik. Hal ini kerana persekitaran pembelajaran di rumah berbeza dengan persekitaran di sekolah. Selain itu, beliau menyatakan bahawa beliau turut memberikan ganjaran kepada murid yang dapat menyiapkan tugas sebagai salah satu bentuk motivasi agar murid lebih bersemangat untuk belajar. Berikut merupakan respons beliau berkenaan perkara tersebut:

“Saya akan bagi masa yang banyak dan lama untuk murid tu menyiapkan sesuatu tugas tu. Biasalah budak, bila di rumah dengan ibu ayah lain, bila di sekolah lain. Bila di rumah macam-macam ragam nak siapkan tugas bila di sekolah depan cikgu lain pula. Sebab tu, saya bagi tempoh masa yang lama untuk mereka siapkan tugas. Jadi bila masa yang lama, murid pun tidak tertekan. Dan saya bagi hadiah untuk yang siapkan tugas dan siap buat penghantaran hadiah ke rumah murid untuk naikan semangat mereka. Kemudian saya ambil gambar dan masukkan dalam group kelas tunjukkan kepada mereka

murid yang siap tugas dan rajin dalam PdPr. Saya juga sediakan sijil untuk murid yang aktif PdPr.” (GPI 2)

Berdasarkan dapatan di atas, walaupun pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran dilaksanakan, GPI berusaha memastikan murid dapat menyiapkan tugas pada waktu yang ditetapkan mengikut pendekatan masing-masing.

Jujur dan Amanah

Nilai seterusnya adalah nilai jujur dan amanah. Hasil daripada temu bual bersama informan, jujur dan amanah merupakan nilai yang harus diterapkan semasa sesi e-pembelajaran kerana guru dan murid tidak berada di tempat yang sama secara fizikal. Sebagaimana yang dinyatakan oleh GPI 1:

“Kita tak ada dekat tempat tu (rumah murid), kita boleh bagi pesanan je lah buka fon atau pc untuk tujuan belajar je.” (GPI 1)

Tambahan pula apabila menggunakan *Google Meet* atau *Zoom* sebagai medium e-pembelajaran, murid ada ketikanya menutup video dan audio disebabkan kekangan data internet. Justeru, guru tidak dapat melihat di sebalik kamera apa yang sedang dilakukan oleh murid sama ada belajar atau sebaliknya. GPI 1 turut menjelaskan bagaimana beliau menyelesaikan situasi tersebut:

“Saya akan panggil (sebut nama) murid tu, kalau dia (murid) beri respons maksudnya dia (murid) ada la depan pc atau fon (telefon) dia tu.” (GPI 1)

Di samping itu, GPI 2 mencadangkan cara untuk menerapkan nilai jujur dan amanah dalam diri murid iaitu dengan sentiasa menceritakan kepada mereka konsep Allah maha melihat. Dengan cara itu, akan timbul perasaan takut melakukan sesuatu kesalahan walaupun guru tidak dapat melihat tingkah laku mereka. Guru juga harus mengingatkan murid agar menjadi insan yang bertakwa yang sentiasa takut akan kemurkaan Allah SWT dan juga azab seksaNya. Berikut merupakan cadangan beliau:

“Kita sebagai guru agama memang selalu mengingatkan mereka (murid) supaya menggunakan gajet dengan cara yang betul. Kita terapkan dalam diri mereka dengan nilai-nilai Allah maha melihat dan dosa pahala. Supaya mereka sedar kalau mereka nak main game atau tengok sesuatu yang tak elok, Allah Maha Melihat.” (GPI 2)

Hasil daripada data di atas menunjukkan bahawa walaupun e-pembelajaran Pendidikan Islam tidak berlaku di sekolah dan guru tidak dapat memantau murid secara langsung di dalam kelas, namun GPI masih tidak jemu memberikan nasihat kepada murid secara berterusan. Penerapan nilai Allah Maha Melihat akan memberikan impak yang besar kepada sahsiah murid kerana tidak ada sesuatu pun perlakuan buruk dapat disembunyikan kerana Allah sentiasa melihat.

Oleh itu, rumusan yang dapat dibuat di sini hasil daripada temu bual informan di atas, didapati mereka berusaha menerapkan nilai-nilai murni seperti mengingati Allah, menggunakan bahasa yang baik, mematuhi peraturan, menepati masa, serta nilai jujur dan amanah. Namun begitu, hasil analisis juga turut mendapati terdapat beberapa cabaran yang terpaksa mereka hadapi dalam menerapkan nilai-nilai murni dan etika melalui medium e-pembelajaran Pendidikan

Islam. Justeru, di bawah ini akan turut membincangkan dapatan temu bual bersama informan berkenaan cabaran yang mereka hadapi.

Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Penerapan Nilai Murni Dan Etika Melalui E-Pembelajaran

Berdasarkan kepada data yang dianalisis daripada temu bual bersama informan, terdapat juga beberapa cabaran yang mengekang informan daripada menerapkan nilai-nilai murni dan etika melalui platform e-pembelajaran. Cabaran-cabaran tersebut juga menyebabkan gangguan terhadap kelancaran proses Pdpc yang dijalankan secara dalam talian serta memberi kesan kepada aspek sahsiah murid.

Guru Dan Murid Tidak Bersemuka

E-pembelajaran boleh berlaku secara *synchronous* (segerak) atau *asynchronous* (tidak segerak). Sebagai contoh, e-pembelajaran yang dijalankan secara *asynchronous* (tidak segerak) tidak memerlukan guru dan murid berada di tempat yang sama secara fizikal. Situasi ini menyebabkan murid tidak berada bersama dengan guru ia menjadikan proses penerapan nilai-nilai murni dan etika menjadi lebih sukar sebagaimana maklum balas informan kajian:

“Bagi saya, memang susahlah (menerapkan elemen nilai murni) sebab dia (murid) bukan depan kita.” (GPI 1)

Hal ini turut diakui oleh GPI 2 yang menghadapi kesukaran dalam menerapkan elemen nilai-nilai murni dan etika bagi membentuk sahsiah murid:

“Secara online kalau nak terapkan nilai-nilai murni tu memang kita tak nampak lah secara keseluruhannya. Tapi secara bersemuka kita akan nampak nilai-nilai murni terhadap murid-murid kita.” (GPI 2)

Masalah Komunikasi Dengan Murid

Komunikasi dua hala dalam proses pembelajaran sangat penting. Antara isu yang sering timbul dalam pelaksanaan e-pembelajaran ialah berkaitan ruang yang secukupnya untuk para guru dan murid berinteraksi serta berkomunikasi (Siti Nurbaizura et.al, 2020; Abadi, 2015). Apabila komunikasi melalui e-pembelajaran berlaku secara *synchronous* atau segerak, terdapat pelajar yang menutup kamera dan suara mereka ini menyebabkan guru tidak dapat melihat secara jelas tingkah laku mereka serta keberadaan mereka semasa e-pembelajaran berlaku. Malah pelaksanaan e-pembelajaran secara *synchronous* atau segerak juga menghadapi masalah apabila berlaku pula gangguan internet yang menyebabkan komunikasi terputus-putus dan seterusnya mengganggu proses belajar (M. H. Fahmi, 2020). Sedangkan proses penerapan nilai-nilai murni berlaku apabila proses komunikasi berjalan lancar antara guru dan murid semasa proses pembelajaran berlaku. Berdasarkan respons GPI 2 berkenaan isu ini yang memberi kesan kepada beliau:

“Ini memang masalah (masalah komunikasi) yang kerap kita hadapi dan ini memang masalah terbesar kalau nak diikutkan.” (GPI 2)

“Murid selalu tak masuk Meet, selalu tak buat kerja. Jadi, inilah masalahnya (masalah komunikasi) bila kita tak nampak murid depan-depan kan.” (GPI 1)

Penggunaan Internet Tanpa Kawalan

Selain itu, penggunaan internet tanpa kawalan mampu membawa pengaruh negatif dalam kalangan pelajar dan ianya menjadi cabaran kepada informan dalam menerapkan nilai-nilai murni dan etika pelajar.

“Ini memang satu masalahlah kalau kita nak cakap kita boleh tahu apa yang mereka buat dengan internet di rumah.” (GPI 2)

“Semasa covid tu, Malaysia mencatatkan jumlah tertinggi tengok video-video lucu, jadi saya kerap cakap dekat murid tengah belajar tu perkara tersebut sebab risau kan.” (GPI 1)

Kemahiran Dan Pengetahuan Teknologi Guru Pendidikan Islam

Informan turut memaklumkan bahawa menjadi satu cabaran untuk melaksanakan penerapan nilai murni dan etika melalui platform e-pembelajaran kerana mereka masih tidak menguasai teknologi. Kesannya, guru akan menggunakan kaedah yang sama dalam sesi PdPc. Berge, (2013) menjelaskan antara ciri-ciri pengajar dalam talian yang berkualiti dan mempunyai kompetensi yang tinggi adalah dengan memiliki kemahiran teknikal, kemahiran komunikasi secara dalam talian, kefahaman berkenaan proses e-pembelajaran, dan sikap yang bagus. Ketidakecakapan serta kurangnya kemahiran guru dalam mengendalikan teknologi dalam pembelajaran ini menimbulkan kegelisahan yang berkemungkinan memberi kesan kepada kefahaman murid akibat komunikasi yang tidak efektif (Lau & Rosli, 2020) yang secara tidak langsung akan memberi kesan kepada aspek penerapan nilai-nilai murni dan etika. Bahkan menurut Norzi Mohd Yusoff dan Mohd Isa Hamzah (2021), kurangnya kemahiran guru dalam pengaplikasian teknologi akan mengakibatkan pembelajaran berasaskan internet secara maya kurang berkesan. Berikut merupakan maklum balas informan berkenaan pengetahuan mereka berkenaan e-pembelajaran:

“Secara jujurnya sebelum PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) saya memang taklah guna e-pembelajaran ni secara menyeluruh sebab belajar bersemuka jadi rasanya macam kalau guna laptop pun pada masa tertentu ja.” (GPI 2)

“Nak kata tahu secara terperinci (e-pembelajaran), saya tidak berapa tahu tapi secara umumnya apa yang saya tahu e-pembelajaran ni adalah mengajar menggunakan aplikasi internet maksudnya kita mengajar bukan secara bersemuka tapi secara dalam talian.” (GPI 3)

Tambahan pula, menurut GPI 3, apabila guru tidak mahir menggunakan teknologi e-pembelajaran, secara tidak langsung guru sukar menterjemahkan diri mereka sebagai pendidik yang berkesan dalam menerapkan nilai-nilai murni dan etika. Ini akan menyebabkan murid cepat bosan dan tidak berminat untuk mengikuti kelas e-pembelajaran yang dijalankan. Berikut merupakan maklum balas beliau:

“Setakat kita mengajar bagi penerangan macam selalu tu, murid akan cepat mengantuk dan cepat bosan.” (GPI 3)

Berdasarkan dapatan di atas, dapat dirumuskan di sini cabaran dan halangan yang timbul semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam secara tidak langsung akan turut mempengaruhi usaha guru dalam menerapkan nilai-nilai murni dan etika melalui e-

pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana jika dilihat setiap cabaran yang timbul menyebabkan kekangan kepada guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kerana kunci utama iaitu komunikasi guru dan murid terganggu. Ini berkemungkinan disebabkan penggunaan platform e-pembelajaran yang menggunakan internet dan secara dalam talian (tidak bersemuka), atau pengetahuan guru dalam penggunaan teknologi yang kurang. Namun, cabaran ini ternyata tidak mematahkan semangat dan usaha GPI dalam membina sahsiah murid kerana mereka memahami tanggungjawab dan peranan mereka dengan baik, dan terbukti melalui dapatan temu bual yang dibentangkan di atas yang telah mengenal pasti terdapat usaha penerapan nilai-nilai murni yang mereka lakukan sepanjang sesi e-pembelajaran.

Perbincangan

Ledakan teknologi yang berlaku pada masa kini tidak mampu dihalang. Bahkan, pembelajaran digital dengan menggunakan platform e-pembelajaran juga semakin menjadi pilihan berbanding kaedah pembelajaran bersemuka secara tradisional terutama selepas pandemik Covid 19. Oleh itu, ibu bapa di rumah juga perlu akur dengan realiti bahawa anak-anak pada masa kini berkembang lebih pantas berbanding anak-anak pada era sebelumnya. Selain menjadi tanggungjawab guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai-nilai murni dan etika semasa e-pembelajaran dilaksanakan, ibu bapa juga harus bersama-sama memastikan anak-anak sentiasa berada di landasan yang betul. Ibu bapa juga perlu memantau aktiviti dalam talian anak-anak mereka, sebagai contoh dengan menghadkan tempoh masa melakukan pembelajaran dalam talian. Selain itu, penggunaan telefon bimbit, komputer, laptop atau gajet anak-anak juga harus dihadkan dan dipantau bagi memastikan penggunaan gajet tersebut hanya bertujuan untuk aktiviti e-pembelajaran atau aktiviti yang berfaedah sahaja. Ibu bapa mungkin perlu bersikap tegas dengan meminta mereka menunjukkan laman web yang sering mereka lawati bagi memastikan anak-anak tidak terlibat dengan elemen-elemen multimedia yang mendedahkan mereka kepada laman web yang tidak sihat sehingga memberi kesan kepada sahsiah mereka pula.

Selain itu, bagi memudahkan proses menerapkan elemen nilai-nilai murni dan etika, aspek komunikasi dan interaksi perlu ditambah baik. Justeru itu, cadangan daripada Fahmi (2020) bagi meningkatkan kualiti komunikasi dan interaksi dalam e-pembelajaran antaranya ialah, ia perlu dilaksanakan secara *hybrid* iaitu menggabungkan komunikasi *synchronous* dan *asynchronous* dalam masa yang sama. Komunikasi *synchronous* bermaksud guru mampu untuk berkomunikasi secara dua hala dengan murid secara serentak bagi membincangkan topik pembelajaran. Manakala bagi komunikasi dalam e-pembelajaran secara *asynchronous* iaitu tidak segerak, guru dan murid masih boleh berhubung dan berkomunikasi pada waktu pilihan masing-masing mengikut kesesuaian masa dan rancangan aktiviti pembelajaran (Ucu & lain-lain, 2018). Dengan ini, proses penerapan nilai-nilai murni dan etika juga dapat berjalan dengan baik kerana ia berlaku seiring dengan proses pembelajaran.

Di samping itu juga, penerapan nilai-nilai murni dan etika ini juga boleh berlaku melalui segala yang ditunjukkan oleh guru sama ada dari segi penampilan guru, perilaku, dan kata-kata yang baik seperti pakaian guru, guru mengucapkan salam dan menyapa murid setiap kali pertemuan sama ada di dalam atau di luar kelas (Nurlela & Eri Purwanti, 2020). Seandainya komunikasi semasa e-pembelajaran terganggu, maka penerapan nilai-nilai juga akan terganggu kerana murid tidak dapat mendengar dan melihat apa yang disampaikan oleh guru dengan baik. Selain itu juga, menurut Malik (2019), antara sikap yang harus ditunjukkan oleh guru terhadap murid adalah dengan memanggil murid dengan penuh kasih sayang, sentiasa memberikan nasihat dengan lemah lembut sebagaimana posisi guru sebagai ibu bapa dan murid sebagai anak. Guru

juga perlu memiliki beberapa aspek penting dalam diri mereka seperti ikhlas, kasih sayang, dan hikmah (Azizan & lain-lain, 2021). Sebagaimana ditekankan oleh Wan Abdullah dan lain-lain, (2021), jika sempurna guru, maka sempurna murid. Justeru, guru haruslah menjadi *role model* untuk murid contohi dengan memiliki nilai-nilai murni yang lahir dari dalam diri guru di samping menerapkan nilai-nilai murni dan etika ke dalam diri pelajar semasa proses e-pembelajaran Pendidikan Islam.

Justeru itu, bagi meringkaskan hasil perbincangan di atas, pengkaji menyimpulkan peranan yang dapat dijalankan oleh ibu bapa dan guru dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Peranan Ibu Bapa dan Guru Dalam Usaha Menerapkan Elemen Nilai Murni dan Etika Semasa Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Pihak yang berperanan	Cadangan
Ibu Bapa	• Ibu bapa perlu bersama-sama memastikan anak-anak sentiasa berada di landasan yang betul iaitu mengakses bahan e-pembelajaran sahaja. • Memantau aktiviti dalam talian anak-anak. Contohnya, mengehadkan tempoh masa melakukan pembelajaran dalam talian. • Penggunaan telefon bimbit, komputer, laptop atau gajet anak-anak juga perlu dihadkan dan dipantau. • Bersikap tegas dengan meminta mereka menunjukkan laman web yang sering mereka lawati.
Guru	• Meningkatkan kualiti komunikasi dan interaksi dalam e-pembelajaran dengan melaksanakannya secara <i>hybrid</i> iaitu menggabungkan komunikasi <i>synchronous</i> dan <i>asynchronous</i> dalam masa yang sama. • Sentiasa menjaga penampilan guru, perilaku, dan menggunakan kata-kata yang baik seperti guru mengucapkan salam dan menyapa murid serta memanggil murid dengan penuh kasih sayang. • Sentiasa memberi nasihat dengan lemah lembut sebagaimana posisi guru sebagai ibu bapa dan murid sebagai anak. • Memiliki beberapa aspek penting dalam diri guru seperti ikhlas, kasih sayang dan hikmah.

*Sumber: Nur Eliza dan lain-lain. (2021) Fahmi (2020) Azizan dan lain-lain (2020) Malik (2019)

Kesimpulan

Guru Pendidikan Islam perlu mengorak langkah ke arah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Ini bertujuan membimbing para pelajar mengaplikasikan e-pembelajaran Pendidikan Islam dengan cara yang betul melalui penerapan nilai-nilai murni dan etika semasa proses e-pembelajaran berlaku. Objektif kajian ini tercapai kerana guru Pendidikan Islam berjaya menerapkan elemen nilai-nilai murni dan etika walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran dihadapi oleh mereka dalam menerapkan elemen tersebut melalui platform digital atau e-pembelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pihak-pihak yang terlibat dalam menangani isu dan cabaran yang timbul agar tidak berlaku kerencatan dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan. Di samping itu juga, penekanan terhadap pembinaan sahsiah hendaklah tetap diutamakan walaupun guru Pendidikan Islam menggunakan platform e-pembelajaran dalam pendekatan pendidikan digital. Hal ini kerana tuntutan kepada pendidikan digital bukan bermaksud seseorang guru harus meninggalkan aspek penerapan nilai-nilai murni dan etika. Malah, menjadi tanggungjawab guru Pendidikan Islam khususnya untuk mendidik pelajar menjadi warga digital yang beretika dengan memiliki sikap kebertanggungjawaban terhadap penggunaan teknologi dengan cara yang betul dan berhemah. Justeru, bagi memantapkan pendidikan digital melalui platform e-pembelajaran pada masa hadapan, semua pihak harus bekerjasama dan berganding bahu untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para guru di Malaysia terutama guru Pendidikan Islam dalam menerapkan elemen nilai-nilai murni dan etika melalui platform e-pembelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, diharapkan terdapat kajian yang berterusan bagi mengatasi isu dan cabaran yang telah dibincangkan dalam artikel ini.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada informan-informan yang terlibat dalam penyelidikan ini iaitu tiga orang Guru Pendidikan Islam (GPI) di tiga buah sekolah rendah yang terletak di daerah Hulu Selangor, Shah Alam, dan Putrajaya. Terima kasih juga kepada penyelia yang membantu serta memberi bimbingan dalam menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- al-Attas Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep al-Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2: 43-56.
- Ab Rahman, H., Zainal, N., & Ab Karim, N. A. (2015). Keberkesanan Penggunaan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *International Conference on Information Technology & Society*. Hlm 8-9.
- Abadi, G. F. (2015). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Berbasis E-Learning. *Tasyri'; Jurnal Tarbiyah dan Syari'ah Islamiyah*. 22(2): 127-138.
- Abdul Bujang, S. D., Selamat, A., Krejcar, O., Maresova, P., & Nguyen, N. T. (2020). Digital Learning Demand for Future Education 4.0-Case Studies at Malaysia Education Institutions. *In Informatics*. 7(2): 13.
- Abu Hamid al-Ghazali. (t.t). *Ihya' Ulumuddin*. Jilid 1V. Beirut: Dar al-Fikr. Hlm. 55-58.
- Aji, R. (2019). Pengenalan E-Learning. *E-Learning*. Universitas Mercu Buana. Jakarta. 1-9.
- Albrahim, F. A. (2020). Online Teaching Skills and Competencies. *Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET*. 19(1): 9-20.

- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*. 14(1): 118–129.
- Baharudin, N. H., & Mahadir Naidu, N. B. (2021). The application of the REP Concept of Digital Citizenship Among Students in Universiti Pendidikan Sultan Idris as Digital Citizens. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*. 7(1): 30–44.
- Bashah, M. A., & Zulkifli, H. (2022). Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*. 2(1): 43–55.
- Berge, Z. (2013). e-Moderating: The Key to Teaching and Learning Online. *Taylor & Francis*. 391-395.
- Fahmi, M. H. (2020). Komunikasi Synchronous Dan Asynchronous Dalam E-Learning Pada Masa Pandemic Covid-19. *Jurnal Nomosleca*. 6(2): 146-158.
- Fahmi, M., Hamid, A., Ahad, N., Meerangani, K. A., Nur, I., & Zur, A. (2021). Nilai-Nilai Murni dalam Kepimpinan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Mualim. *Al-Hikmah*. 13(1): 3–19.
- Harahap, A. M. (2020). Sa'adah dalam Perspektif Komunikasi Islam (Filsafat Miskawaih dan Al-Ghazali). *Sahafa Journal of Islamic Communication*. 3(1), 85-95.
- Hartanto, W. (2016). Penggunaan E-Learning sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*. 10(1): 1-15.
- Imelda, A. (2018). Implementasi Pendidikan Nilai dalam Pendidikan Agama Islam. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*. 8(2): 227-247.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai: Penerbit UTM.
- Kasran, M. H. (2011). Nilai-nilai Sejahtera dalam Pengisian Kurikulum Bahasa Malaysia. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Ipta 2011*. Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak.
- Khairul Azhar (2017). Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017 Kolej Universiti Islam Melaka*. Hlm. 1-12.
- Lau, J. S. C., & Rosli, R. B. (2020). Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Guru Matematik Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(11): 71-84.
- Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 51-65.
- Malik, M. A. (2019). Posisi Guru sebagai Orang Tua dan Murid sebagai Anak Menurut Perspektif Al-Qur'an. *Al-Adzka: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*. 9(1): 35-40.
- Michael, S., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh Teknologi Digital Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(6), 25-32.
- Misman, J., Sharipp, M. T. M., Suyurno, S. S., Nik Abdullah, N. N., & Shamsudin, C. M. (2021). Education During Covid19: Islamic Perspectives on Ethics for New Media Users for Teachers and Students. *Journal of Language and Linguistic Studies*. 17(1): 529-541.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari, Ag Yusof Ag Chuchu, & Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru dalam Bilik Darjah dan Tingkah Laku. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 5: 59-77.

- Muhammed Ganasan, H., & Azman, N. (2021). Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(10): 25-40.
- Muhammad Qutb (1990). Manhaj Tarbiyah Islamiyah. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- Nahar, N., Sangi, S., Baniear Salvam, D. A., Rosli, N., & Abdullah, A. H. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja (Negative Impact Of Modern Technology To The Children’s Life And Their Development). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 5(1): 87-99.
- Nik Pa N.A. & Mohd Hashim R. (2015). Makna Akhlak Bagi Seorang Murid Tahun Lima. *The Online Journal of Islamic Education*. 3(1): 1-53.
- Norina, W., Hamat, W., Hussin, Z., Fkrudin, A., Yusoff, M., & Sapar, A. A. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1(1): 17-27.
- Norman & Othman. (2020). Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja: Faktor dan Implikasi Terhadap Sahsia Diri Remaja. *Jurnal Melayu*. 19(2): 205-215.
- Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah. (2021). Pandemik Covid 19: Cabaran dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid Prasekolah. *Global Journal of Educational Research and Management*. 1(3): 160-169.
- Nur Adibah Liyana, A., & Hafizhah, Z. (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 4(1): 40–54.
- Nuridin, A. (2016). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam di Era Information and Communication Technology. *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(1): 49-64.
- Nurlela & Eri Purwanti. (2020). Peranan Guru Pendidikan Agama Islam dalam Membina Akhlak Peserta Didik. *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam Al-Idarah*. 5(1): 8–15.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4(1): 86-103.
- Rosnijah, A., & A’dawiyah, I. (2019). Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah*. 11(1): 74–87.
- Sabilan, S., Lip, S. M., Ishak, M. F., Zdainal, S., & Abidin, S. H. S. (2018). Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International Conference On Moslem Society 2016*: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bangi.
- Sagita, M., & Khairunnisa. (2019). Pemanfaatan E-Learning Bagi Para Pendidik di Era Digital 4.0. *Jurnal Sosial Humaniora*. 2(2): 35-41.
- Salleh, Ariffin S.R, & Daia M., (2001). Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran-Kooperatif dalam Sains. *Jurnal Pendidikan*. 27: 47-57.
- Sharifah Hayati Ismail al-Qudsy. (2010). Etika Penjawat Awam dari Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidiq, U. (2018). Etika dan Profesi Keguruan. STAI Muhammadidhiyyah Tulungagung bekerjasama dengan al-Hidayat Foundation.
- Sipon, R. P. (2010). Permata Berbicara: Komunikasi dalam Keluarga. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11: 46-57.

- Siti Faizah Said. (2019). Hubungan Pendekatan Kolaboratif Terhadap Pencapaian Program Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Steven J Taylor dan Robert Bogdan. (1998). "Introduction to Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource. 3rd Ed.
- The, M. M., & Usagawa, T. (2018). Change in E-learning Readiness and Challenge for Myanmar Higher Education. *Creative Education*. 9(09):1277–1286.
- Ucu, N. L., Paturusi, S. D. E., & Sompie, S. R. U. A. (2018). Analisa Pemanfaatan E-Learning Untuk Proses Pembelajaran. *Jurnal Teknik Informatika*. 13(1): 1-8.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. 4(1): 63-74.
- Zahariah Aiyub. (2005). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Zahedi, M. H., & Dehghan, Z. (2019). Effective E-learning Utilizing Internet of Things. *7th International and 13th Iranian Conference on E-Learning and E-Teaching, ICeLeT 2019*. 1-6.
- Zazin & Zaim. (2019) Media Pembelajaran Agama Islam Berbasis Media Sosial Pada Generasi-Z. *Proceeding Antasari International Conference*. 1(1): 534-563.